



## HIJRAH RASULULLAH - KELUAR DARI DARUL KUFUR MENUJU DARUL ISLAM

Tindakan dan makna politik penting dari hijrahnya Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah yang sering dilupa dan dilalaikan oleh umat Islam adalah kewajiban menegakkan Negara Islam (*ad-Daulah al-Islamiyah*). Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah sesungguhnya merupakan titik penting dalam babak perjuangan baginda beserta para sahabat di dalam menegakkan agama Allah di mana dari situlah lahirnya sebuah Daulah Islam. Madinah merupakan Negara Islam pertama di dunia yang didirikan oleh Rasulullah SAW yang dibangun berdasarkan aqidah Islam. Rasulullah SAW diangkat menjadi pemimpin Negara yang bertanggungjawab mengurus urusan umat (rakyat) secara keseluruhan. Sementara hukum (undang-undang) yang berlaku adalah hukum Islam secara keseluruhan menggantikan hukum Jahiliyyah yang sesat dan zalim. Keberadaan pemimpin, rakyat dan hukum ini cukup untuk menjadi bukti kukuh bahawa apa yang dibangun oleh Rasulullah SAW di Madinah adalah sebuah Negara, dan ia adalah sebuah Negara (*Dar*) Islam, setelah sebelumnya baginda dan para sahabat hidup dan berjuang di Mekah yang merupakan Negara (*Dar*) Kufur pada ketika itu. Negara baru yang dibangun oleh Rasulullah SAW ini dihuni oleh warganegara yang beragama. Selain kaum Muslimin yang menjadi majoriti, terdapat Yahudi Bani Qainuqa', Bani Auf, Bani Najjar dan termasuk masih terdapat orang-orang musyrik penyembah berhala. Namun keberagaman ini langsung tidak menghalangi penerapan hukum Islam oleh Rasulullah. Ini kerana hukum Islam sesungguhnya bukan hanya untuk orang-orang Islam sahaja tetapi ia merupakan hukum (undang-undang) Negara yang terpakai ke atas semua warganegara tanpa mengira bangsa dan agama dan ia merupakan rahmat bagi seluruh manusia (*rahmatan lil 'alamin*), termasuk non-Muslim. Hubungan antara kaum Muslimin dan warganegara lain yang non-Muslim di atur oleh Rasulullah dengan Islam dan sebuah piagam yang disebut Piagam Madinah (*watsiqah al-madinah*) diwujudkan. Sebagaimana disebutkan di dalam Sirah Ibnu Hisyam bahawa apabila muncul perselisihan di antara pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian, maka wajib dikembalikan kepada Allah dan RasulNya. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT di dalam Surah an-Nisa:59. Imam al-Mawardi dalam tafsirnya menjelaskan maksud ayat ini sebagai kewajiban mentaati Allah SWT dalam seluruh perintah dan laranganNya dan taat kepada Rasulullah SAW. Beliau juga mengutip penjelasan Mujahid dan Qatadah bahawa makna kembali kepada Allah dan Rasul adalah kembali kepada kitabullah dan Sunnah Rasulullah.

Perlu difahami bahawa Rasulullah SAW tidak mendirikan negara-bangsa (*nation-state*), tetapi baginda mendirikan Negara Islam (*Islamic State*). *Islamic State* ini tidak hanya dikhususkan kepada bangsa-bangsa tertentu, tetapi untuk kesemua manusia yang ingin tinggal di dalamnya (dan tunduk kepada Islam) dan wilayah kekuasaan *Islamic State* ini meluas ke seluruh dunia sebagai konsekuensi kewajiban dakwah Islam ke atas umat manusia seluruhnya. Negara Islam ini kemudiannya berkembang dan terus berkembang dengan jalan dakwah dan jihad yang dilakukan oleh Nabi SAW. Di masa Khulafa' Rasyidin dan para Khalifah selepasnya, Daulah Islam ini meluas hingga hampir mencapai 2/3 dunia dengan pelbagai bangsa dan agama di dalamnya yang kesemuanya tunduk kepada hukum Islam yang merupakan undang-undang Negara. Walaupun Madinah merupakan sebuah kota kecil ketika itu, namun bukti bahawa Madinah merupakan sebuah Negara Islam tampak jelas dari apa yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana lazimnya dipraktikkan oleh seorang Ketua Negara. Rasulullah SAW memimpin kaum Muslimin, mengatur urusan-urusan dan kepentingan rakyatnya, memenuhi keperluan pokok rakyat, menjamin keamanan dan kesihatan untuk rakyat dan melindungi penduduk Madinah. Rasulullah SAW menjadi hakim (*qadhi*) pada waktu terjadi perselisihan antara rakyatnya, termasuk mengangkat Ali bin Abi Thalib, Mu'adz bin Jabal, dan Abu Musa al Asy'ari sebagai *qadhi* di Yaman. Untuk membantu pemerintahannya, Rasulullah SAW mengangkat Abu Bakar dan Umar sebagai *Mu'awwin* (pembantu)nya, Mu'adz bin Jabal menjadi *Wali* (gabenor) di Janad, Khalid bin Walid sebagai *Amil* di Sun'a, Ziyad bin Lubaid sebagai *Wali* di Hadhramaut, Abu Dujanah sebagai *Amil* di Madinah dan seterusnya. Dalam mengurus politik luar negara, Rasulullah SAW mengirim surat-surat diplomatik, melalui utusan diplomatik baginda yang mana kandungannya mengajak pemimpin dan rakyat negara lain untuk memeluk agama Islam. Sebagai ketua Negara, Rasulullah adalah *Amirul Jihad* (ketua/pemimpin perang) dalam pelbagai pertempuran dan mengangkat beberapa orang sahabat baginda sebagai Komandan di dalam beberapa peperangan. Baginda mengutus Hamzah bin Abdul Muthalib dan sahabat lainnya dalam pasukan perang menyerang Quraisy, mengutus antara lain Zaid bin Haritsah menyerang Rom, Khalid bin Walid menyerang Dumatul Jandal dan banyak lagi. Kesemua hal ini hanya boleh/layak dilakukan oleh seorang Ketua Negara dan semua fakta ini merupakan hakikat yang tidak boleh dibantah bahawa Madinah adalah sebuah negara dengan Ketua Negeranya adalah Rasulullah SAW.

Bermula dari hijrah Rasulullah SAW yang keluar dari Negara Kufur menuju tegaknya Negara Islam, agama Islam yang sebelum itu hanya menjadi anutan pengikutnya sahaja kemudian telah bertukar menjadi agama yang memerintah negara dan memerintah dunia. Agama suci

ini telah zahir di atas agama-agama yang lain dengan peranan Negara (pemimpin) yang menerap dan mendakwahnya ke seluruh pelusok dunia. Namun malangnya, sejak kejatuhan Daulah Islam lebih kurang 90 tahun yang lalu (28 Rajab 1342H), agama Islam sudah tidak lagi memimpin dunia kerana tidak ada lagi Negara (pemimpin) yang menerap dan mendakwahnya. Umat Islam pula sering dipalingkan dari makna hijrah yang sebenar oleh para pemimpin dan oleh ulama *su'* (buruk) sehingga sudah tidak ada kesedaran dari sebahagian besar umat Islam bahawa hijrah Rasulullah adalah sesungguhnya bermaksud keluar dari Negara Kufur menuju Negara Islam, dan ini merupakan sebuah kewajiban.

Adapun kewajiban mendirikan Negara Islam (Khilafah) adalah merupakan konsekuensi dari kewajiban menerapkan seluruh syariah Islam sebagai bukti keimanan seorang Muslim kepada Allah SWT. Keberadaan negara (kekuasaan) adalah hal yang mutlak untuk itu. Kewajiban menegakkan syariah Islam dalam pemerintahan seperti menerapkan *hudud* Allah, *qisas*, *ta'zir*, menetapkan mata wang berdasarkan *dinar* (emas) dan *dirham* (perak), mengadili pihak yang bersengketa, menjatuhkan hukuman terhadap pelaku jenayah, mengirim pasukan perang, menjamin pendistribusian harta di tengah-tengah masyarakat, menjamin keperluan pokok (*basic needs*) rakyat, mengambil *jizyah*, *kharaj*, *ghanimah*, *jihad* dan banyak lagi adalah termasuk dalam bidangkuasa (*authority*) negara, bukannya bidangkuasa mana-mana kelompok atau individu. Kerana itu menyatakan Negara Islam tidak wajib adalah sebuah kebobohan yang tidak dapat diterima di dalam agama kerana ia termasuk di dalam hal yang *ma'lum min ad-deen bi adh-dharurah* (tidak ada alasan untuk tidak tahu). Sesungguhnya kewajiban menerapkan syariah Islam secara total bererti kewajiban mewujudkan sebuah negara yang didasarkan kepada Islam (Khilafah). Kewajiban mulia (menegakkan Khilafah) ini tidak pernah diperdebatkan oleh ulama-ulama tersohor dan *mukhlis* sebagaimana dinyatakan oleh Imam an-Nawawi dalam Syarah Sahih Muslimnya, "*Mereka (para imam mazhab) telah*

**SEMINAR TERBUKA HTM: SIRI JELAJAH MALAYSIA 2010  
"KEMBALIKAN KHILAFAH SELAMATKAN DUNIA"**

**Tarikh:** 19 Disember 2010 (Ahad)

**Tempat:** Dewan Sri Cempaka, Tingkat 4, Kompleks PKNS,  
Bandar Baru Bangi, Selangor

**Masa:** 8.30 pagi - 1.00 petang

**Ahli Panel:** 1) Ust Abdul Hakim Othman (Presiden HTM)  
2) Ust. Umar Husein (Timb. Presiden HTM)

= Masuk Percuma, Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir =

*bersepakat bahawa kaum Muslimin wajib mengangkat seorang Khalifah”.*

## Umat Islam semakin Menyahut Seruan Khilafah

Setelah berjaya dalam usaha ratusan tahun mereka meruntuhkan Khilafah, berpuluh tahun pula lamanya usaha golongan kuffar Imperialis Barat melakukan serangan terhadap usaha umat Islam untuk menegakkan kembali Daulah Khilafah. Di samping tindakan fizikal (peperangan, penangkapan, penyeksaan dan pembunuhan) mereka ke atas anggota-anggota gerakan Islam yang ingin menegakkan semula Khilafah, mereka juga melakukan serangan pemikiran yang bertubi-tubi tanpa henti ke atas usaha mewujudkan kembali Daulah Islam. Mereka melontarkan pelbagai kata-kata dan propaganda jahat bagi menggambarkan kepada dunia bahawa gerakan yang ingin menegakkan Khilafah adalah gerakan yang ekstrem, radikal, teroris dan pelbagai macam tohmahan lagi. Mereka berusaha untuk menakutkan dunia, termasuklah dunia Islam sendiri bahawa Khilafah merupakan sebuah kekuasaan yang penuh dengan kejahatan dan kekolotan. Mereka melantik agen mereka dari kalangan penguasa umat Islam bagi memastikan Khilafah tidak dapat ditegakkan.

Bekas Presiden AS, George Bush sering melemparkan kata-kata jahatnya terhadap gerakan yang ingin mendirikan semula Khilafah, antaranya dia mengatakan, *“They hope to establish a violent political utopia across the Middle East, which they call caliphate, where all would be ruled according to their hateful ideology.”* (*“Mereka mengharapkan berdirinya sebuah entiti politik kejam yang tak masuk akal di Timur Tengah, yang mereka sebut sebagai Khilafah, di mana semuanya akan diperintah mengikut ideologi kebencian mereka”*). Sekutu rapat Bush yang juga mantan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, semasa memberi komen setelah peristiwa pengeboman London menyifatkan pengebom sebagai *‘barbarian’*. Tidak berhenti di situ. Blair kemudian menambah, *“Undang-undang syaria di dunia Arab akan membawa kepada terbentuknya satu keKhilafahan untuk seluruh manusia dengan Islam.”* Menteri Dalam Negerinya Charles Clark ketika itu pun turut memberikan pernyataan (dalam dialognya dengan para pemikir sayap kanan Amerika, The Heritage Foundation), *“Kita tidak akan pernah bertolak ansur sedikit pun tentang penegakan Khilafah. Kita juga tidak akan bertolak ansur apa pun tentang pelaksanaan undang-undang (hukum) syaria.”* Banyak lagi propaganda dan kenyataan yang dibuat oleh golongan kuffar ini tentang Khilafah. Seruan kepada Khilafah benar-benar telah digambarkan dengan gambaran yang jahat oleh mereka dan mereka sering mengaitkannya dengan keganasan. Padahal, usaha umat Islam untuk menegakkan Khilafah, sejak Khilafah dihancurkan pada 28 Rajab 1342H (3 Mac 1924), adalah sebuah usaha yang mulia di dalam menegakkan kembali agama Allah yang telah dihancurkan oleh musuh-musuhNya ini.

Hizbut Tahrir adalah antara gerakan Islam antarabangsa yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan semula Khilafah ke persada dunia melalui jalan politik dan intelektual. Di dalam perjuangan menegakkan Khilafah, Hizbut Tahrir telah dan senantiasa meneladani *thariqah* (jalan) dakwah Rasulullah SAW semasa di Mekah sehingga tertegaknya Negara Islam di Madinah, yang mana perjuangan dakwah ini semata-mata dilakukan melalui jalan *fikriyyah* (pemikiran) tanpa kekerasan (*la madiyah*) sedikit pun. Kita hendaklah yakin bahawa sekiranya kita ikhlas dan bersungguh-sungguh di dalam perjuangan mengembalikan semula Khilafah dengan mengikuti *thariqah* yang telah digariskan oleh Rasulullah SAW, Insya Allah pertolongan Allah akan bersama kita, walau bagaimana hebat dan dahsyat halangan dari musuh-musuh Allah sekalipun. Sejak ditubuhkan pada tahun 1953 di Baitul Maqdis, Palestine, seruan menegakkan Khilafah yang dilaungkan oleh Hizbut Tahrir di seluruh dunia telah membuka mata umat Islam dan mendapat sokongan dari mereka yang ikhlas. Hal ini sesungguhnya semakin menakutkan kuffar Barat (akan kemunculan semula Khilafah). Kaum Muslimin di seluruh dunia mulai sedar dan menganggap perjuangan ini sebagai *qadhiyah masiriyah* (agenda utama) dan semakin memahami kewajipan hukumnya. Kaum Muslimin juga mula sedar bahawa Khilafah merupakan satu-satunya alternatif terhadap segala kerosakan, kezaliman, penjajahan, perpecahan, kekacauan, pembunuhan dan sebagainya yang kini sedang melanda dunia Islam.

Sejak sekian lama, Hizbut Tahrir telah melakukan banyak seruan, konferens, seminar dan demonstrasi aman di seluruh dunia untuk menyedar dan membangkitkan umat agar berjuang menegakkan Khilafah. Seruan penegakan Khilafah ini telah disambut oleh ratusan ribu kaum Muslimin yang dengan jelas menyokong usaha-usaha ke arah menyatukan umat Islam di bawah satu Negara. Baik di negara umat Islam mahupun bukan, seruan dan usaha ke arah penegakan Khilafah telah kedengaran di mana-mana. Seruan mulia ini telah bergema di setiap lorong, jalan-jalan, pejabat-pejabat kerajaan mahupun swasta, universiti-universiti, masjid-masjid dan rumah-rumah kaum Muslimin di seluruh dunia. Ribuan umat Islam telah keluar untuk bergabung, menyokong, mendengar dan membicarakan tentang Khilafah. Dari golongan kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun tua, baik lelaki mahupun wanita, pendek kata, kaum Muslimin tanpa mengira bangsa telah mula sedar dan bangkit bahawa Khilafah merupakan satu-satunya jalan dan masa depan bagi umat Islam. Pada tahun 2007 sebagai contoh, Konferens Khilafah Internasional yang diadakan di Indonesia telah dihadiri oleh lebih kurang 100,000 umat Islam yang datang dari seluruh ceruk Indonesia khususnya dan dunia amnya yang menyatakan sokongan yang begitu kuat untuk menegakkan semula Khilafah. Al-Jazeera, BBC, Reuters dan lain-lain media internasional melaporkan tentang himpunan terbesar umat Islam ini yang menginginkan Khilafah. Segala puji bagi Allah, sambutan umat Islam di seluruh dunia kini amat memberangsangkan dan kebanyakan mereka memberi sokongan penuh kepada usaha menegakkan kembali institusi politik agung umat Islam ini.

Justeru, sempena hijrah tahun ini (1432H) Hizbut Tahrir sekali lagi menyeru agar semua pihak bergabung dengan saudara-saudara kita di seluruh dunia dan saling bahu-membahu dalam perjuangan untuk mengembalikan semula Daulah Khilafah, yang akan menyatukan kaum Muslimin di bawah satu payung pemerintahan, membebaskan kaum Muslimin dari cengkaman musuh-musuh Allah serta mengembalikan kemuliaan kaum Muslimin sebagaimana dahulunya. Jadikanlah hijrah Rasul sebagai peringatan untuk kita sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk menukar *Darul Kufur* yang kita duduki kepada *Darul Islam* yang sekaligus akan menukar segala hukum kufur kepada hukum Islam. Sentiasalah ingat bahawa hijrah Rasulullah adalah merupakan hijrah baginda dari Negara Kufur menuju Negara Islam dan ia merupakan sebuah kewajipan ke atas kita semua yang tidak ada tawar-menawar lagi. Ia (menegakkan Daulah Islam) adalah perintah Allah dan kita semua wajib mematuhiNya. Berusahalah untuk menegakkan Khilafah dan sahutlah seruan Allah SWT, *“Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah sebagaimana (penyokong-penyokong) Nabi Isa Ibnu Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu, ‘Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?’ mereka menjawab: ‘Kamilah pembela-pembela (agama) Allah...’ [TMQ as-Saf (61):14].*

## Khatimah

Wahai kaum Muslimin yang dimuliakan! Sesungguhnya Khilafah bukanlah monopoli salah satu kumpulan atau mana-mana kelompok Islam. Khilafah adalah sistem pemerintahan Islam yang sama-sama kita harap dan usahakan penegakannya. Sistem tersebut merupakan satu kefardhuan yang agung, yang telah Allah SWT tetapkan. Seruan-seruan yang dikumandangkan oleh Hizbut Tahrir di seluruh dunia, selain menjelaskan adanya sebuah kekuatan yang sedang membimbing kaum Muslimin menuju tegaknya Khilafah, juga telah berjaya meruntuhkan berbagai fitnah dan serangan yang dipenuhi kedengkian, berbagai kritikan yang keliru, serta berbagai kebohongan dan propaganda yang telah dihembuskan oleh musuh-musuh Islam sejak bertahun-tahun yang lalu. Kaum Muslimin kini semakin sedar bahawa adalah menjadi kewajipan bagi setiap Muslim untuk memperjuangkan penegakan semula Khilafah serta mendukung gerakan Islam yang memperjuangkannya. Nas-nas syarak yang jelas dan sejarah sepanjang lebih 1,400 tahun pemerintahan Islam telah membuktikan bahawa Khilafahlah satu-satunya sistem pemerintahan yang wajib, sahih dan adil bagi umat manusia. Dengan janji dan izin Allah, Khilafah akan pasti berdiri dan ia akan kembali memimpin dunia dan akan menggantikan sistem kufur demokrasi yang penuh kebohongan dan kejahatan saat ini dengan sistem Islam yang penuh rahmat dan berkat.